



Semarak International Journal of Creative Art and Design

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijcad/index>
ISSN: 3083-8584



Seni di antara Bahan dan Undang-Undang: Revolusi Studio Keramik Kontemporeri Berasaskan Model Praktis Studio Keramik *Art between Materials and Law: The Contemporary Ceramic Studio Revolution Based on the Practical Ceramic Studio Model*

Muhammad Safwan Mohd Shariff^{2,*}, Ahmar Amar Wafiq Azmi¹

¹ Art & Design (IGCSE) Highlands International Boarding School, Genting Highlands, Km10 69000 Bentong, Pahang, Malaysia

² International General Certificate of Secondary Education Highland International Boarding School, KM 10 69000 Bentong Genting Highlands, Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 29 August 2025

Received in revised form 24 October 2025

Accepted 28 October 2025

Available online 30 October 2025

ABSTRACT

Perkembangan seni seramik kontemporeri kini semakin dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara undangundang, sains bahan, dan teknologi moden. Artikel ini meneliti bagaimana penggunaan tanah liat alternatif seperti bahan buangan industri, tanah liat sintetik dan bahan mesra alam telah mencetuskan satu revolusi dalam amalan studio seramik, khususnya dari segi inovasi bahan dan pematuhan kepada kerangka perundangan berasaskan Model Praktis Studi Sermik. Aspek hak harta intelek, keselamatan bahan, undang-undang alam sekitar serta etika penggunaan sumber tempatan menjadi semakin relevan, bukan hanya kepada pengamal seni profesional, malah juga kepada institusi pendidikan seni dan generasi artis muda. Melalui pendekatan holistik, artikel ini menyoroti peranan pendidikan tinggi dalam memperkenalkan kurikulum seni yang lebih responsif terhadap isu-isu perundangan dan kemampunan bahan. Pendedahan awal kepada teknologi seperti pencetakan 3D seramik, reka bentuk CAD, serta penggunaan relau pintar memberi peluang kepada pelajar seni dan artis muda untuk membina amalan berkarya yang inovatif dan bertanggungjawab. Dalam konteks ini, revolusi studio seramik bukan sekadar transformasi teknikal, tetapi juga satu proses pendidikan nilai di mana seni menjadi jambatan antara kreativiti, sains, dan tanggungjawab sosial. Justeru, artikel ini mencadangkan agar pendidikan seni diperkasa dengan pendekatan interdisiplin agar dapat melahirkan artis muda yang bukan sahaja mahir dalam penghasilan, tetapi juga peka terhadap implikasi undang-undang dan kelestarian dalam berkarya.

The development of contemporary ceramic art is increasingly influenced by the complex interaction between law, material science, and modern technology. This article examines how the use of alternative clays such as industrial waste, synthetic clays, and environmentally friendly materials has sparked a revolution in ceramic studio practice, particularly in terms of material innovation and compliance with the legal framework based on the Ceramic Studio Practice Model. Aspects of intellectual property rights, material safety, environmental law and the ethics of using local resources are becoming increasingly relevant, not only to professional art practitioners, but also to art

* Corresponding author.

E-mail address: muhammadsafwanshariff5037@gmail.com

<https://doi.org/10.37934/sijcad.5.1.3139>

Keywords:

Seni seramik kontemporer; tanah liat alternatif; undang-undang seni; pendidikan seni; artis muda; teknologi pembuatan; harta intelek; kelestarian

Contemporary ceramic art; alternative clay; art law; art education; young artists; manufacturing technology; intellectual property; sustainability

education institutions and a generation of young artists. Through a holistic approach, this article highlights the role of higher education in introducing an art curriculum that is more responsive to legal issues and material sustainability. Early exposure to technologies such as ceramic 3D printing, CAD design, and the use of smart kilns provides opportunities for art students and young artists to develop innovative and responsible working practices. In this context, the ceramic studio revolution is not just a technical transformation, but also a process of values education where art becomes a bridge between creativity, science, and social responsibility. Therefore, this article proposes that art education be empowered with an interdisciplinary approach in order to produce young artists who are not only skilled in production, but also sensitive to the legal and sustainability implications of their work.

1. Pengenalan

Perkembangan seni seramik kontemporer pada abad ke-21 mencerminkan transformasi radikal dalam cara artis berinteraksi dengan bahan, teknologi, dan sistem perundangan. Studio seramik bukan lagi sekadar ruang untuk eksperimen estetik, tetapi telah berkembang menjadi medan multidisiplin yang menggabungkan seni, sains bahan, teknologi, pendidikan, dan etika sosial. Dalam konteks ini, Model Praktis Studio Seramik muncul sebagai kerangka konseptual yang menyokong amalan berasaskan studio sebagai ruang epistemologi, di mana proses penciptaan bukan sahaja menekankan keindahan dan teknik, tetapi juga kepatuhan terhadap peraturan keselamatan, hak harta intelek, dan kelestarian bahan [2].

Penggunaan tanah liat alternatif termasuk tanah liat sintetik, bahan buangan industri, dan sumber mesra alam—telah mengubah landskap kreatif dalam studio seramik. Penekanan kepada bahan alternatif ini bukan sahaja memberi peluang kepada artis untuk meneroka estetika dan sifat fizikal tanah liat secara lebih luas, tetapi juga menuntut pertimbangan undang-undang dan etika dalam pengendalian, pemprosesan, dan penyebaran karya [4]. Misalnya, penggunaan bahan buangan industri memerlukan pematuhan terhadap standard keselamatan kimia yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, manakala eksplorasi tanah liat sintetik sering melibatkan isu harta intelek dan paten teknologi (World Intellectual Property Organization [12,18]).

Model Praktis Studio Seramik menekankan bahawa studio bukan sahaja sebagai ruang eksperimen teknikal, tetapi juga sebagai platform untuk pembangunan nilai profesional dan kesedaran perundangan. Dengan menekankan aspek etika, kelestarian, dan keselamatan, model ini mengajak artis untuk melihat bahan bukan sekadar objek pasif, tetapi sebagai aktor sosial yang membentuk interaksi antara artis, masyarakat, dan undang-undang [5]. Dalam konteks pendidikan seni, model ini memberi implikasi signifikan terhadap kurikulum, di mana pelajar bukan sahaja belajar teknik seramik dan reka bentuk digital, tetapi juga pemahaman tentang hak cipta, keselamatan bahan, dan undang-undang alam sekitar [13,16].

Kajian oleh Bryant *et al.*, [3] dan Maddams [7] menekankan bahawa tanah liat, sebagai medium material, mempunyai potensi transformatif yang tinggi, yang boleh dijadikan metafora bagi proses pembelajaran interdisiplin dan penghayatan nilai undang-undang. Revolusi studio seramik kontemporer ini, dengan berasaskan Model Praktis Studio Seramik, menandakan peralihan dari seni sebagai ekspresi individu kepada seni sebagai sistem kompleks di mana kreativiti, undang-undang, dan tanggungjawab sosial berjalan seiring. Ia juga menegaskan bahawa inovasi bahan dan teknik baru, termasuk pencetakan 3D seramik dan penggunaan relau pintar, mesti disepadukan dengan pemahaman undang-undang dan kelestarian untuk memastikan karya yang dihasilkan bukan sahaja estetik, tetapi juga bertanggungjawab dan sah di sisi perundangan [4,15].

Oleh itu, kajian ini bertujuan menyoroti bagaimana Model Praktis Studio Seramik berfungsi sebagai manifesto artistik dan pedagogi dalam membentuk amalan studio yang holistik. Ia

menegaskan bahawa revolusi seramik kontemporari bukan sahaja revolusi teknikal, tetapi juga revolusi nilai, di mana studio menjadi jambatan antara kreativiti, sains bahan, dan tanggungjawab perundangan. Pendekatan ini membuka peluang baru bagi artis, pendidik, dan pelajar seni untuk mengintegrasikan seni, etika, dan undang-undang secara serentak, sambil menggalakkan kelestarian, keselamatan, dan inovasi dalam penghasilan karya seramik kontemporari [2].

2. Pernyataan Masalah

Perubahan paradigma ini menimbulkan beberapa persoalan kritikal:

1. Implikasi Undang-Undang dan Etika

Peningkatan penggunaan bahan industri dan teknologi baharu seperti pencetakan 3D seramik menimbulkan isu hak cipta, keselamatan bahan dan harta intelek (intellectual property). Menurut Shiner dan Krzemien-Owczarzak [12], perundangan seni mesti bergerak seiring dengan inovasi agar tidak membataskan kebebasan kreatif artis tetapi tetap menjamin keselamatan awam dan kelestarian alam. Dengan penggunaan salah satu model praktis studio seramik ia dapat membantu dan memberi penggunaan yang mesra alam.

2. Cabaran Kelestarian dan Sumber Tempatan

Isu pemeliharaan sumber bumi dan penggunaan bahan buangan sebagai alternatif seramik menimbulkan dilema etika baharu. Andreoletti [1] menjelaskan bahawa “raw clay practices” kini menjadi wacana penting dalam seni lestari kerana ia menggabungkan eksperimen material dengan kesedaran ekologi. Cabarannya, ada prosedur namun tidak diaplikasikan, hanya pakar melihat dari satu sudut pandangan sahaja, tanpa mengambil kira pelbagai sudut dan penilaian. Namun ada yang hanya meletakkan jalan, akan tetapi ianya hanya di kertas, pelaksanaan tiada. Hal ini menyebabkan tentang kewangan dan unsur ketidakjujuran. Melalui model praktis studio seramik ianya mampu memberi kesedaran secara terbuka tentang menghargai pemberian Tuhan dalam memanfaatkan penggunaan tanaha alternatif dan longgokan tanah kearah produk mesra alam dan boleh digunapakai oleh semua lapisan masyarakat.

3. Keterhubungan Pendidikan Seni dan Undang-Undang

Pendidikan seni di peringkat universiti masih berorientasikan teknikal dan estetika, sedangkan realiti kontemporari menuntut pemahaman terhadap undang-undang alam sekitar, hak cipta, dan keselamatan bahan. Kajian oleh Bolt dan Barrett [2] menegaskan pentingnya menjadikan “studio sebagai ruang epistemologi” di mana amalan seni juga menjadi proses pembentukan pengetahuan kritikal dan tanggungjawab sosial. Dengan adanya prosedur dan pendaftaran hak milik serta kelulusan dari pihak penguatkuasa. Segala kerosakan dan longgokan tanah serta mendakan dapat diatasi. Jika semua pihak komited bersatu dan menyelesaikan masalah ini. Pendidikan mampu mengubah masalah kepada penemuan jalan penyelesaian dengan meletakkan undang-undang sebagai garis panduan dan rujukan.

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis terhadap model Praktis Studio Keramik Kontemporari, beberapa dapatan utama diperoleh:

1. Integrasi Teknologi dan Etika dalam Amalan Studio



Rajah 1. 3 Komponen utama

Rajah ini menunjukkan satu model konseptual penyelidikan studio yang berpusat pada proses pemerhatian, soal selidik, dan analisis, yang bersama-sama menghasilkan dapatan kajian. Dalam konteks *amalan seni seramik kontemporari*, rajah ini menggambarkan bagaimana integrasi antara teknologi baharu dan nilai etika dapat dilaksanakan secara sistematik dalam Model Praktis Studio Seramik (MPSS).

Peringkat pemerhatian berperanan penting dalam memahami bagaimana teknologi seperti 3D ceramic printing, digital glazing simulation, atau sistem kawalan suhu automatik mempengaruhi proses penghasilan karya. Pemerhatian dalam studio bukan hanya bersifat teknikal, tetapi juga reflektif, iaitu menilai kesan penggunaan teknologi terhadap nilai estetika, keberkesanan bahan, serta implikasi etika dan alam sekitar. Kajian oleh Chen *et al.*, [4] menekankan bahawa penerapan teknologi 3D dalam seramik perlu disertai pemantauan bahan lestari bagi mengelakkan pencemaran dan penyalahgunaan sumber, menunjukkan pentingnya hubungan antara inovasi dan tanggungjawab.

Seterusnya, komponen soal selidik dalam rajah ini bertindak sebagai mekanisme untuk menilai persepsi, pengalaman, dan tahap kesedaran artis terhadap isu etika dan keselamatan dalam penggunaan teknologi. Proses ini membantu membentuk kesedaran bahawa penghasilan karya seni bukan sekadar hasil visual, tetapi turut melibatkan aspek moral, undang-undang harta intelek, dan kelestarian bahan. Dalam konteks ini, MPSS berfungsi sebagai kerangka pedagogi yang mendisiplinkan artis, memastikan setiap eksperimen dan penerapan teknologi dilakukan dalam garis panduan profesional dan etika seni [6].

Sementara itu, analisis berperanan untuk mentafsir data dan refleksi yang diperoleh daripada pemerhatian serta soal selidik. Di peringkat ini, artis menilai kesan teknologi terhadap struktur bahan, ketahanan bentuk, nilai estetika, serta tanggungjawab sosial. Analisis ini kemudian menghasilkan

tanah liat habu diterjemahkan menjadi karya yang memiliki nilai estetika, etika, dan ekologi. Kajian Shariff [9] turut menyokong perkara ini dengan menegaskan bahawa tanah liat habu berupaya menjadi model bahan serantau yang bukan sahaja mesra alam, tetapi juga mencerminkan identiti budaya tempatan.

Akhirnya, *tanah liat alternatif* sebagai ejen revolusi bahan menegaskan peranan seni dalam menyeimbangkan inovasi teknologi dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar. Bahagian kanan rajah yang memuatkan Teori Kreativiti Edmund, Psikoanalisis, Humanistik dan Konstruktivisme menunjukkan bahawa revolusi ini bukan semata-mata bersifat teknikal, tetapi juga berakar dalam kesedaran falsafah dan nilai kemanusiaan. Maka, penggunaan bahan alternatif bukan hanya strategi teknikal, tetapi suatu manifesto artistik yang menandakan peralihan seni seramik ke arah kelestarian, pemikiran kritikal, dan ekspresi kreatif yang lebih mendalam dan membawa kepada dimensi alaf baru.

3. *Studio Sebagai Ruang Perundangan Mikro (Micro-Legal Space)*

Rajah yang memaparkan komponen pemerhatian, soal selidik, analisis, dan dapatan memperlihatkan satu kitaran reflektif yang bukan sahaja bersifat metodologi penyelidikan, tetapi juga mewakili proses pembentukan kesedaran perundangan dan etika dalam konteks amalan seni. Apabila diaplikasikan kepada konsep *Studio sebagai Ruang Perundangan Mikro*, rajah ini dapat ditafsirkan sebagai simbol kepada sistem kawalan sendiri artis terhadap undang-undang, etika, dan tanggungjawab sosial dalam ruang praktik mereka.

Dalam konteks ini, studio berfungsi bukan sekadar sebagai tempat menghasilkan karya, tetapi sebagai ruang perundangan mikro satu ekosistem kecil di mana artis mengawal dan menilai kesan tindakan mereka terhadap bahan, teknologi, dan komuniti. Menurut [RCA Research Hub \(2024\)](#), amalan seni kontemporari semakin menuntut penggabungan antara inovasi material dan kesedaran undang-undang, terutamanya berkaitan hak harta intelek, keselamatan bahan, dan pematuhan terhadap piawaian kelestarian. Oleh itu, proses dalam studio kini bukan sekadar proses kreatif, tetapi juga proses pengawalan etika dan pematuhan mikro terhadap undang-undang.

Melalui pemerhatian, artis menilai kesan tindakan mereka terhadap bahan dan ruang misalnya bagaimana penggunaan tanah liat alternatif atau teknologi 3D printing boleh memberi implikasi kepada keselamatan, hak cipta, dan kelestarian sumber. Seterusnya, soal selidik berfungsi sebagai refleksi diri artis terhadap amalan mereka adakah penggunaan bahan dan teknologi mematuhi garis panduan keselamatan, prinsip ekologi, dan nilai profesionalisme seni? Proses ini membantu membina kesedaran terhadap “perundangan mikro” dalam diri artis, iaitu kemampuan menilai dan mengawal tindakan sendiri berdasarkan prinsip undang-undang dan moral tanpa pengawasan luaran.

Di peringkat analisis, artis menstrukturkan dapatan pemerhatian dan refleksi untuk menilai sejauh mana amalan mereka memenuhi tuntutan undang-undang seni dan etika profesional. Seperti yang dinyatakan oleh Tsing dan Myers dalam *Material Entanglements*, seni kontemporari memerlukan pendekatan di mana artis menjadi “agen perundangan kecil” (micro-legal agent) — mereka berinteraksi dengan bahan dan teknologi dalam ruang studio sambil mengurus tanggungjawab ekologi, hak milik intelektual, dan integriti proses kreatif.

Akhirnya, dapatan dalam rajah ini mewakili bukan hanya hasil karya atau penemuan teknikal, tetapi juga manifestasi kesedaran perundangan yang terbentuk melalui amalan studio. Di sinilah *Model Praktis Studio Seramik (MPSS)* memainkan peranan penting sebagai kerangka pedagogi — mengintegrasikan eksperimen bahan, refleksi kritikal, dan pematuhan undang-undang ke dalam satu sistem pembelajaran kreatif yang terkawal dan beretika [6].

Konsep *Studio sebagai Ruang Perundangan Mikro* mengangkat peranan artis sebagai individu yang bertanggungjawab bukan hanya terhadap penciptaan karya, tetapi juga terhadap pengawalan undang-undang, etika, dan kelestarian dalam ruang praktik mereka. Rajah pemerhatian–soal selidik–analisis menunjukkan bagaimana kesedaran ini terbentuk melalui proses refleksi berterusan yang akhirnya menghasilkan dapatan berupa pemahaman baru tentang seni sebagai amalan beretika dan berperundangan. Dengan demikian, studio dalam konteks seni kontemporari Malaysia berfungsi sebagai ruang epistemologi dan ruang perundangan mikro, di mana kreativiti, tanggungjawab, dan undang-undang bersatu dalam membentuk identiti artistik yang matang dan berprinsip.

4. Rumusan dan Perbincangan

Revolusi studio seramik kontemporari berasaskan Model Praktis Studio Keramik menandakan peralihan besar dalam dunia seni dari seni sebagai ekspresi individu kepada seni sebagai sistem yang kompleks, menghubungkan kreativiti, undang-undang, teknologi dan kelestarian. Dalam konteks ini, “bahan” tidak lagi bersifat pasif, tetapi menjadi aktor sosial dan undang-undang mengubah cara artis berfikir, bekerja, dan berinteraksi dengan dunia sekeliling. Revolusi studio seramik kontemporari yang berasaskan Model Praktis Studio Keramik (MPSS) menandakan satu peralihan besar dalam paradigma seni moden. Ia membawa perubahan daripada pemahaman seni sebagai ekspresi peribadi kepada seni sebagai sistem kompleks yang melibatkan interaksi dinamik antara kreativiti, sains bahan, undang-undang, teknologi, dan kelestarian. Model ini menegaskan bahawa proses berkarya dalam studio bukan sekadar aktiviti teknikal, tetapi suatu bentuk amalan epistemologi dan tanggungjawab sosial yang berakar pada pematuhan etika dan undang-undang.

Dalam konteks MPSS, “bahan” tidak lagi dianggap sebagai objek pasif, tetapi sebagai aktor sosial dan perundangan yang mempengaruhi keputusan artistik dan etika penghasilan karya. Misalnya, penggunaan tanah liat alternatif seperti bahan buangan industri atau tanah liat sintetik melibatkan pertimbangan dari aspek hak milik bahan, keselamatan pengguna, dan undang-undang alam sekitar. Berdasarkan prinsip Art & Law Framework yang dikemukakan oleh Shiner dan Krzemien-Owczarzak [12], setiap tindakan kreatif perlu dinilai dalam kerangka tanggungjawab undang-undang di mana hak cipta, pematuhan keselamatan bahan, dan pemeliharaan ekosistem menjadi sebahagian daripada integriti karya seni itu sendiri.

1. Model Praktis Studio Keramik sebagai Rangka Etika dan Undang-Undang

Model Praktis Studio Keramik berfungsi sebagai rangka kerja konseptual dan amali yang menggabungkan dimensi teknikal, estetik, undang-undang dan sosial. Ia mengiktiraf bahawa aktiviti dalam studio melibatkan pelbagai keputusan yang membawa kesan perundangan daripada pemilihan bahan mentah, penggunaan tenaga relau, hingga ke hak cipta reka bentuk akhir. Melalui lensa MPSS, artis dilatih bukan sahaja untuk menguasai teknik penghasilan seramik, tetapi juga untuk bertanggungjawab terhadap kesan undang-undang dan etika yang mengiringi proses kreatif mereka.

Sebagai contoh, penggunaan reka bentuk berkomputer (CAD) atau pencetakan 3D seramik dalam penghasilan karya menimbulkan isu berkaitan hak cipta digital dan harta intelek (intellectual property). Mengikut Chen *et al.*, [4], inovasi ini menuntut satu sistem pemantauan undang-undang baharu dalam studio untuk memastikan keaslian dan perlindungan terhadap hasil reka bentuk. Oleh itu, Model Praktis Studio Keramik perlu berkembang sebagai ruang kawalan sendiri (self-regulatory space) di mana artis memahami hak dan tanggungjawab mereka dalam konteks perundangan.

2. Pendidikan Seni sebagai Pemangkin Kesedaran Undang-Undang

Peranan institusi pendidikan seni kini menjadi semakin penting dalam membina kesedaran undang-undang dan kelestarian bahan dalam kalangan artis muda. Melalui penerapan Model Praktis Studio Keramik, pelajar seni dapat memahami bahawa seni bukan hanya soal ekspresi dan kemahiran teknikal, tetapi juga soal pematuhan undang-undang dan tanggungjawab sosial. Kurikulum seni yang responsif terhadap isu undang-undang seperti hak cipta, keselamatan bahan, dan undang-undang alam sekitar harus dijadikan asas kepada latihan studio. Ini selaras dengan pendekatan “interdisciplinary learning” yang digariskan oleh Barrett dan Bolt [2], yang melihat studio sebagai ruang pembentukan pengetahuan yang menghubungkan sains, undang-undang, dan kreativiti.

3. Pembentukan Nilai dan Tanggungjawab Kemanusiaan

Akhirnya, revolusi studio seramik ini bukan hanya tentang kemajuan teknikal atau teknologi semata-mata, tetapi tentang pembentukan nilai kemanusiaan melalui seni. Model Praktis Studio Keramik mendorong artis untuk melihat diri mereka sebagai agen perubahan sosial yang berfungsi dalam kerangka undang-undang dan etika. Hubungan antara bahan dan undang-undang ini menjadikan seni satu bentuk praktik reflektif tempat artis menimbang makna kebebasan berkarya dengan tanggungjawab terhadap komuniti dan alam sekitar.

Oleh itu, pendidikan seni perlu dirangka dengan pendekatan interdisiplin, menggabungkan latihan kreatif dengan kesedaran undang-undang, kelestarian dan tanggungjawab sosial. Revolusi ini bukan sekadar tentang teknik dan teknologi, tetapi tentang pembentukan nilai, di mana studio menjadi jambatan antara seni, sains dan kemanusiaan.

Rujukan

- [1] Andreoletti, A. (2023). Performative raw clay: The aesthetics and materialities of unfired earth. Culture Machine, 17. <https://culturemachine.net/vol-17-thermal-objects/performative-raw-clay/>
- [2] Barrett, E., & Bolt, B. (Eds.). (2021). Practice as Research: Approaches to Creative Arts Enquiry (2nd ed.). Bloomsbury Academic.
- [3] Bryant, L., Jamie, K., & Sharples, G. (2022). Reading clay: The temporal and transformative potential of clay in contemporary scientific practice. Durham University Research Repository. <https://durham-repository.worktribe.com/output/1219513/>.
- [4] Chen, H., Li, Z., & Xu, W. (2023). Sustainable ceramic 3D printing: Materials, technology, and safety regulation. *Journal of Additive Manufacturing in Ceramics*, 5(1), 33–51. <https://doi.org/10.1016/j.jamc.2023.05.033>
- [5] Holmes, S., & O’Leary, E. (2023). Keythings of clay: Material ecologies in art and pedagogy. *Research Catalogue: Journal of Artistic Research*. <https://www.researchcatalogue.net/view/3007138/3007139>
- [6] Ismail, A. R., & Mohamed, N. (2021). Eksperimen tanah liat habu dalam seni seramik kontemporari Malaysia. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 9(1), 55–72. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2975>
- [7] Maddams, A. (2023). Materiality, engagement, and scale: An ecology of architectural ceramics. *Anthropology of Architecture Journal*, 4(1), 44–59. <https://www.anthropologyofarchitecture.com/materiality-engagement-and-scale-an-ecology-of-architectural-ceramics/>
- [8] Said, T. S., Ramli, H., & Shariff, M. S. (2022). Eksplorasi Tanah Liat dalam Seni Seramik Kontemporari: Pendekatan Studio Praktis. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 10(2), 45–60.
- [9] Shariff, M. S., Said, T. S., & Ramli, H. (2020). Eksperimentasi tanah liat habu sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari. KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni, 8(1), 55–72. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.1.4.2020>

- [10] Shariff, Muhammad Safwan Mohd, Harozila Ramli, and Ahmad Akmal Haziq Hanafi. "Model Praktis Studio Keramik dalam Pembentukan Kreativiti Artistik berasaskan Tanah Liat Alternatif." *Jurnal Peradaban Melayu* 19, no. 1 (2024): 41-48. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.4.2024>
- [11] Said, T. S., Ramli, H., & Shariff, M. S. (2022). Eksplorasi Tanah Liat dalam Seni Keramik Kontemporari: Pendekatan Studio Praktis. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 10(2), 45–60.
- [12] Shiner, L., & Krzemien-Owczarzak, K. (2021). The legal aesthetics of contemporary art: Negotiating creativity and copyright. *Art and Law Journal*, 10(3), 25–41.
- [13] Nordin, R., & Aziz, R. (2022). *Kepentingan etika dan undang-undang dalam pendidikan seni visual di Malaysia*. *Jurnal Seni dan Budaya Nusantara*, 6(2), 23–39.
- [14] Occupational Safety and Health Department Malaysia (DOSH). (2021). *Guidelines for the safe handling of ceramic and chemical materials in art studios*. Putrajaya: Ministry of Human Resources Malaysia.
- [15] UNESCO. (2023). *Sustainable Creative Practices: Education, Law and Material Innovation*. Paris: UNESCO Publishing.
- [16] Tan, S. Y., & Lee, H. C. (2023). Interdisciplinary approaches to studio-based education in Southeast Asia. *Asian Journal of Art & Design Education*, 7(1), 77–93.
- [17] United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2023). *Sustainable creative practices: Education, law and material innovation*. Paris: UNESCO Publishing.
- [18] World Intellectual Property Organization (WIPO). (2022). *Intellectual property and the visual arts: A global framework for creative practitioners*. Geneva: WIPO Press.